

**BN Sarawak Sedia Hadapi Pilihan Raya Umum, Kata Abang Johari
Bernama
18 November, 2012**

KUCHING, 18 Nov (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) Sarawak sudah bersedia menghadapi pilihan raya umum ke-13, kata Timbalan Presiden Pesaka Bumiputera Bersatu (PBB) Datuk Amar Abang Johari Tun Openg.

"PBB dan komponen parti BN Sarawak sentiasa bersedia untuk menghadapi pilihan raya umum," katanya pada sidang media selepas menghadiri mesyuarat majlis tertinggi PBB di sini Ahad.

Mesyuarat yang berlangsung dua jam di ibu pejabat PBB dipengerusikan Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud, yang juga pengerusi BN negeri.

Sementara itu Abang Johari berkata PBB akan menganjurkan konvensyen khas sempena ulang tahun ke-50 pembentukan Malaysia, tahun depan.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=709723>